

03/07/2001

MB garis tiga resipi untuk Merah Kuning

Halmi Samad

MENTERI Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo menggariskan tiga resipi utama untuk memastikan pasukan Merah Kuning mendominasi baki dua gelaran musim ini - juara Perdana Satu dan Piala Malaysia.

Pertama, Menteri Besar itu mengingatkan semua pemain supaya tidak mengamalkan cara hidup sentiasa gemar 'berjoli' kerana bertentangan dengan gaya hidup seorang atlit.

"Jangan ingat kerana bergaji besar, dapat lebih RM5,000 sebulan, anda semua kononnya boleh joli sana, joli sini. Kalau inilah gaya hidup anda, Selangor tidak akan pergi ke mana-mana.

"Itu bukan gaya hidup seorang pemain bola sepak," katanya kepada Harian Sukan selepas majlis merai pemain Selangor dan pegawai Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) di Kediaman Rasmi Datuk Menteri Besar Selangor di Bukit Megawati, malam kelmarin.

Di majlis itu, beliau mengumumkan hadiah melancong sambil mengada perlawanan persahabatan di Perth, Australia sebagai hadiah pasukan Selangor muncul juara Piala FA mengalahkan Sarawak 1-0 hasil jaringan emas, D Surendran.

Dr Mohd Khir juga tidak mahu pemain Selangor takbur, sombong, riak dan sentiasa bersikap meninggi diri kerana sifat seperti itu menghancurkan jati diri seseorang manusia.

"Apabila takbur, sombong, riak dan sentiasa bersikap meninggi diri, anda akan menjadi seorang yang lupa diri. Inilah yang diperkatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Melayu sering lupa diri.

"Apabila sombong, anda akan menyangka bahawa kononnya hanya pasukan Selangor yang terbaik di Malaysia sehingga tidak lagi mahu berusaha mencari kejayaan," katanya.

Menteri Besar Selangor itu yang mengaku seorang fanatik bola sepak berkata, pemain Merah Kuning juga mesti sentiasa patuh kepada arahan dan bimbingan kapten pasukan.

"Jangan lawan arahan ketua pasukan. Jangan ingat kononnya kita lebih baik daripada kapten, lantas ingkar arahan sesuka hati. Kalau ini berlaku, kapal akan tenggelam.

"Jangan sentiasa fikir bahawa kenapa kita tidak dipilih untuk jadi kapten walhal kononnya lebih baik. Anggapan itu tidak wajar ada dalam jiwa pemain Selangor. Anda semua mesti taat kepada kapten sekarang (Yusri Che Lah)," katanya.

Dr Mohd Khir juga mengingatkan semua pemain Selangor supaya membeli hartanah, khususnya rumah sewaktu masih bergelar pemain pasukan Gergasi Merah, demi masa depan.

"Saya akan bantu sedaya upaya (untuk pemain beli rumah). Saya akan gunakan kuasa sebagai Menteri Besar untuk carikan rumah yang sesuai dengan keupayaan anda. Saya tidak mahu pemain Selangor merempat di masa depan," katanya.

(END)